

### BAB III

## STRUKTUR AL-IDAFAT̲ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

### 3.0 PENGENALAN

Dalam bab ketiga ini penulis akan menghuraikan tentang struktur al-Idafat̲ yang ada dalam al-Qur'an al-Karim dan juga bentuk-bentuknya. Setelah dihuraikan akan dapat dilihat perbezaan antara struktur al-Idafat̲ dalam bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim.

### 3.1 PENGGUNAAN BAHAGIAN AL-IDAFAT̲ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Dalam al-Qur'an al-Karim, struktur al-Idafat̲ juga dibahagi kepada dua bahagian sebagaimana yang ada dalam bahasa Arab, iaitu al-Idafat̲ al-Ma'nawiyat̲ dan al-Idafat̲ al-Lafziyyat̲.

#### 3.1.1 AL-IDAFAT̲ AL-MA'NAWIYYAT̲ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Bentuk-bentuk al-Idafat̲ al-Ma'nawiyat̲ yang ada dalam al-Qur'an al-Karim adalah seperti berikut :

1. Al-Idafat̲ al-Lamiyyat̲, iaitu yang mengandaikan partikel Genitif اللام antara mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ<sup>97</sup>

‘Jadilah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah’

---

<sup>97</sup> Al-Qur'an. Surah al-Saff. Ayat 14

Dalam ayat ini struktur al-Idafatnya adalah أَنْصَارَ اللَّهِ ‘pembela-pembela (agama) Allah’. Mudafnya adalah أَنْصَارَ ‘pembela-pembela’ dan mudaf ilayhnya adalah اللَّهِ. Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh adalah اللام sehingga boleh diucapkan أَنْصَارًا لِلَّهِ ‘pembela-pembela bagi (agama) Allah’.

2. Al-Idafat al-Bayaniyyat, iaitu yang mengandaikan partikel Genitif مِنْ antara mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

أُحِلَّتْ لَكُمْ بِهَيْمَةَ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ<sup>98</sup>

‘Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternakan, kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu’

Struktur al-Idafat dalam ayat ini adalah بِهَيْمَةَ الْأَنْعَامِ ‘binatang ternakan’. Mudafnya adalah بِهَيْمَةَ ‘binatang’ dan mudaf ilayhnya adalah الْأَنْعَامِ ‘ternakan’. Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh adalah مِنْ sehingga dapat diucapkan مِنْ الْأَنْعَامِ بِهَيْمَةَ ‘binatang dari ternakan’. Struktur al-Idafat ini termasuk kepada Idafat sesuatu kepada jenisnya. Lafaz الْأَنْعَامِ ‘ternakan’ adalah jenis daripada بِهَيْمَةَ ‘binatang’. Lafaz بِهَيْمَةَ ‘binatang’ juga adalah lafaz am kemudian diidafatkan kepada lafaz yang lebih khas, iaitu الْأَنْعَامِ ‘ternakan’.

3. Al-Idafat al-Zarfiyyat, iaitu yang mengandaikan partikel Genitif فِي antara mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ<sup>99</sup>

‘Sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut’

<sup>98</sup> Al-Qur’an. Surah al-Ma’ida. Ayat 1

<sup>99</sup> Al-Qur’an. Surah al-Nisa’. Ayat 92

Struktur al-Idafaṭ dalam ayat di atas adalah صِيَامٌ شَهْرَيْنِ ‘puasa dua bulan’. Mudafnya adalah صِيَامٌ ‘puasa’ dan mudaf ilayhnya adalah شَهْرَيْنِ ‘dua bulan’. Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh adalah فِي. Struktur al-Idafaṭ ini dapat diandaikan dengan صِيَامٌ فِي شَهْرَيْنِ ‘puasa dalam masa dua bulan’.

Al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyyaṭ juga bertujuan untuk mendefinitkan atau mengkhususkan mudaf. Maksudnya apabila mudaf ilayhnya adalah kata nama definit maka mudafnya menjadi definit. Manakala apabila mudaf ilayhnya kata nama indefinit maka mudafnya menjadi khusus. Contohnya adalah :

a. Contoh untuk mendefinitkan adalah :

أَصْحَابُ الْجَنَّةِ يَوْمَئِذٍ خَيْرٌ مُسْتَقَرًّا وَأَحْسَنُ مَقِيلًا<sup>100</sup>

‘Ahli-ahli syurga pada hari itu lebih baik tempat menetapnya dan lebih elok tempat rehatnya’

Struktur al-Idafaṭ dalam ayat di atas adalah أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ‘ahli-ahli syurga’. Ia adalah al-Idafaṭ al-Mahdaṭ. Mudaf ilayhnya yang terletak pada perkataan الْجَنَّةِ ‘syurga’ merupakan kata nama definit kerana diawali dengan partikel أَل. Oleh itu, mudafnya menjadi definit.

b. Contoh untuk mengkhususkan adalah :

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ<sup>101</sup>

‘Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi musuh dari kalangan orang-orang yang berdosa’

<sup>100</sup> Al-Qur’an. Surah al-Furqan. Ayat 24

<sup>101</sup> Al-Qur’an. Surah al-Furqan. Ayat 31

Dalam ayat ini struktur al-Idafatnya adalah كُلُّ نَبِيٍّ ‘tiap-tiap nabi’. Mudaf ilayh نَبِيٍّ ‘nabi’ yang indefinit menyebabkan mudaf كُلُّ ‘tiap-tiap’ menjadi khusus.

### 3.1.2 AL-IDAFAT AL-LAFZIYYAT DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM

Bentuk-bentuk al-Idafat al-Lafziyyat yang ada dalam al-Qur’an al-Karim adalah seperti berikut :

1. Mudafnya adalah kata nama pelaku (اسم فاعل). Contohnya adalah :

إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ<sup>102</sup>

‘Sesungguhnya Aku akan mematikanmu dan akan mengangkatmu ke sisi-Ku.

Struktur al-Idafat dalam ayat di atas adalah مُتَوَفِّيكَ ‘mematikanmu’ dan رَافِعُكَ ‘mengangkatmu’. Mudafnya adalah مُتَوَفِّي ‘yang mematikan’ dan رَافِعُ ‘yang mengangkat’, manakala mudaf ilayhnya adalah ganti nama كَ ‘kamu’. Kedua-dua mudaf dalam ayat ini adalah kata nama pelaku yang diidafatkan kepada objeknya yang berbentuk ganti nama.

2. Mudafnya adalah mubalaghat kata nama pelaku (مبالغة اسم فاعل). Contohnya adalah:

وَأَنَّ اللَّهَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ<sup>103</sup>

‘Dan bahawasanya Allah Maha Mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib’

Struktur al-Idafat dalam ayat di atas adalah عَلَّامُ الْغُيُوبِ ‘Maha Mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib’. Mudafnya adalah عَلَّامُ ‘Maha Mengetahui’, manakala

<sup>102</sup> Al-Qur’an. Surah Ali ‘Imrān. Ayat 55

<sup>103</sup> Al-Qur’an. Surah al-Tawbat. Ayat 78

mudaf ilayhnya adalah **الْغُيُوبِ** ‘perkara-perkara yang ghaib’. Mudafnya berbentuk mubalaghat kata nama pelaku yang diidafatkan kepada objeknya.

3. Mudafnya adalah kata sifat musyabbahat. Contohnya adalah :

وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ<sup>104</sup>

‘Dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya’

Struktur al-Idafat dalam ayat di atas adalah **شَدِيدُ الْعَذَابِ** ‘Maha berat azab seksa-Nya’. Mudafnya adalah **شَدِيدُ** ‘Maha Berat’ dan mudaf ilayhnya adalah **الْعَذَابِ** ‘azab seksa’. Mudafnya berbentuk kata sifat musyabbahat yang diidafatkan kepada pelakunya, iaitu **الْعَذَابِ** ‘azab seksa’.

Menurut ahli tahqiq kata nama **شَدِيدُ** ‘Maha berat’ dalam ayat ini adalah salah satu bentuk sighat mubalaghat kerana ia menunjukkan apa yang ditunjukkan oleh kata nama pelaku yang disertai penambahan (disangatkan). Sighat mubalaghat ini kembali kepada makna kata sifat musyabbahat kerana menyebutkan banyaknya perbuatan Allah sehingga menjadikannya sifat tetap bagi Allah dan ia diambil dari kata kerja intransitif.<sup>105</sup>

Berdasarkan huraian di atas, penulis tidak menemukan al-Idafat al-Ma‘nawiyat yang diandaikan dengan partikel Genitif **كاف** dan **عند** dalam al-Qur’an al-Karim dan struktur al-Idafat al-Lafziyyat dalam al-Qur’an al-Karim tidak memiliki bentuk struktur yang mudafnya adalah kata nama objek sepertimana yang ada dalam bahasa Arab.

<sup>104</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqarat. Ayat 165

<sup>105</sup> Syaykh Mustafa al-Ghalayainiyy. 1997. *Jami‘ al-Durus al-‘Arabiyyat. Juzuk.1. Cet.2.* Beirut : al-Maktabat al-‘Asriyyat, h. 193.

### 3.2 HUKUM-HUKUM AL-IDAFAT̄ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Hukum-hukum al-Idafat̄ dalam al-Qur'an al-Karim memiliki persamaan dan perbezaan dengan hukum-hukum al-Idafat̄ yang ada dalam bahasa Arab, sama ada hukum-hukum yang wajib atau yang harus.

#### 3.2.1 HUKUM-HUKUM YANG WAJIB BAGI AL-IDAFAT̄ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Berdasarkan hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafat̄ dalam bahasa Arab, maka hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafat̄ dalam al-Qur'an al-Karim adalah seperti berikut :

1. Mudaf ilayh mestilah sentiasa genitif, sama ada genitif secara lafaz atau genitif mahalliyy.
- c. Contoh yang genitif secara lafaz adalah :

وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ<sup>106</sup>

‘Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkiya’

Struktur al-Idafat̄ dalam ayat ini adalah شَرِّ حَاسِدٍ ‘kejahatan orang yang dengki’. Mudaf ilayh yang terletak pada perkataan حَاسِدٍ ‘orang yang dengki’ adalah genitif secara lafaz yang ditandai dengan baris bawah.

- d. Contoh yang genitif mahalliyy adalah :

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ مِنْ بَعْدِ مَا أَهْلَكْنَا الْقُرُونَ الْأُولَى<sup>107</sup>

<sup>106</sup> Al-Qur'an. Surah al-Nas. Ayat 5

<sup>107</sup> Al-Qur'an. Surah al-Qasas. Ayat 43

‘Dan demi sesungguhnya, Kami berikan kepada Musa kitab Taurat sesudah  
Kami binasakan kaum-kaum yang telah lalu’

Struktur al-Idafaṭ dalam ayat ini adalah بَعْدِ مَا ‘setelah apa’. Lafaz مَا adalah mudaf ilayh yang mabniyy dengan baris mati di tempat genitif.

Mudaf ilayh juga dapat dii‘rabkan secara taqdiriyy (andaian). Antaranya jika mudaf ilayh adalah kata nama maqsur atau manqus. Contohnya adalah :

إِنَّ قَارُونَ كَانَ مِنْ قَوْمِ مُوسَى<sup>108</sup>

‘Sesungguhnya Qarun adalah ia dari kaum Nabi Musa’

Kata nama maqsur مُوسَى ‘Nabi Musa’ dalam contoh di atas adalah mudaf ilayh yang digenitifkan dengan baris bawah yang diandaikan dengan alif.

2. Partikel أَلْ di awal mudaf wajib digugurkan jika ia sebagai tambahan untuk mendefinitkan dan ia merupakan al-Idafaṭ al-Mahdat. Jika al-Idafaṭnya adalah al-Idafaṭ Ghayr al-Mahdat, partikel أَلْnya juga wajib digugurkan kecuali dalam empat keadaan seperti yang telah dijelaskan pada bab kedua. Contohnya adalah

وَالصَّابِرِينَ عَلَى مَا أَصَابَهُمُ وَالْمُقِيمِي الصَّلَاةِ<sup>109</sup>

‘Dan orang-orang yang sabar (cekal hati) terhadap kesusahan yang menimpa mereka,  
dan orang-orang yang mendirikan sembahyang’

Struktur al-Idafaṭ dalam ayat di atas adalah وَالْمُقِيمِي الصَّلَاةِ ‘orang-orang yang mendirikan sembahyang’. Partikel أَلْ yang terletak pada mudaf وَالْمُقِيمِي ‘orang-orang

<sup>108</sup> Al-Qur’an. Surah al-Qasas. Ayat 76

<sup>109</sup> Al-Qur’an. Surah al-Hajj. Ayat 35

yang mendirikan’ dikekalkan kerana mudaf ilayhnya juga ada partikel أل. Struktur al-Idafatnya adalah al-Idafat Ghayr al-Mahdat kerana kata nama الْمُقِيمِي ‘orang-orang yang mendirikan’ diidafatkan kepada objeknya, iaitu الصَّلَاة ‘sembahyang’.

3. Tanwin di akhir mudaf wajib digugurkan sebelum diidafatkan. Contohnya adalah :

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ<sup>110</sup>

‘Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam,  
dan (dirikanlah) sembahyang subuh’

Mudaf dalam ayat di atas adalah دُلُوكِ ‘gelincir’, غَسَقِ ‘gelap’ dan قُرْآنَ ‘sembahyang’. Tanwin di akhir tiap-tiap perkataan ini digugurkan kerana ia berfungsi sebagai mudaf kepada perkataan الشَّمْسِ ‘matahari’, اللَّيْلِ ‘malam’ dan الْفَجْرِ ‘fajar/subuh’.

4. Nun duaan (tathniyyat), nun jam‘ mudzakkar salim dan mulhaqatnya wajib digugurkan jika ia terletak di akhir mudaf.

e. Contoh penguguran nun duaan :

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ<sup>111</sup>

‘Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab dan binasalah ia bersama’

Perkataan يَدَا ‘kedua-dua tangan’ adalah mudaf yang berbentuk duaan. Asalnya adalah يَدَانِ. Nunnya digugurkan kerana ia berfungsi sebagai mudaf kepada perkataan أَبِي ‘Abu’ dan terletak di akhir mudaf.

<sup>110</sup> Al-Qur’an. Surah al-Isra’. Ayat 78

<sup>111</sup> Al-Qur’an. Surah al-Masad. Ayat 1



f. Contoh penguguran nun jam‘ :

وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرَىٰ وَأَهْلُهَا ظَالِمُونَ<sup>112</sup>

‘Dan tidaklah menjadi kebiasaan Kami membinasakan mana-mana negeri  
melainkan setelah penduduknya berlaku zalim’

Nun jam‘ mudhakar salim pada perkataan مُهْلِكِي ‘yang membinasakan’  
digugurkan kerana ia adalah mudaf kepada perkataan الْقُرَى ‘negeri’. Asalnya adalah  
مُهْلِكِينَ ‘yang membinasakan’.

g. Contoh penguguran nun mulhaq jam‘ mudhakar salim :

شَعَلْنَا أَمْوَالَنَا وَأَهْلُونَا فَاسْتَغْفِرْ لَنَا<sup>113</sup>

‘Kami telah dihalangi oleh urusan menjaga keselamatan harta benda dan anak isteri  
kami; oleh itu pohonkanlah ampun kepada Allah untuk kami’

Mulhaq jam‘ mudhakar salim pada ayat di atas adalah أَهْلُونَا ‘anak isteri  
(keluarga)’. Nunnya digugurkan kerana ia berfungsi sebagai mudaf kepada ganti  
nama نَا ‘kami’. Asalnya adalah أَهْلُونَ ‘anak isteri (keluarga)’.

5. Al-Idafaṭ al-Mahdatṭ wajib mengandungi partikel Genitif asli yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh sepertimana telah dihuraikan sebelum ini.
6. Mudaf ilayh bertujuan untuk mendefinitkan atau mengkhususkan mudaf, dengan syarat al-Idafaṭnya adalah al-Idafaṭ al-Mahdatṭ sebagaimana juga telah dijelaskan dalam al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyatṭ.

<sup>112</sup> Al-Qur’an. Surah al-Qasas. Ayat 59

<sup>113</sup> Al-Qur’an. Surah al-Fath. Ayat 11

7. Mudaf dapat dipisahkan daripada mudaf ilayh. Salah satunya adalah dengan objeknya. Contohnya adalah :

فَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ مُخْلِفاً وَعْدِهِ رُسُلَهُ<sup>114</sup>

‘Oleh itu, janganlah engkau menyangka Allah memungkiri janji-Nya kepada rasul-rasul-Nya’.

Menurut sebahagian ahli qira’at lafaz وَعْدِهِ ‘janji-Nya’ dibaca dengan mengakusatifkannya menjadi وَعْدُهُ. Lafaz مُخْلِفاً ‘yang memungkiri’ diidafatkan kepada lafaz رُسُلِهِ ‘rasul-rasul-Nya’. Jadi yang memisahkannya adalah lafaz وَعْدُهُ yang merupakan objeknya.<sup>115</sup>

8. Mudaf wajib didahulukan daripada mudaf ilayh, begitu juga daripada ma‘mul mudaf ilayh. Mudaf ilayh atau ma‘mulnya tidak boleh didahulukan, sama ada ma‘mul ini tunggal, ayat atau separa ayat (syibh jumlat) kecuali dalam satu keadaan, iaitu jika mudaf adalah kata nama غَيْرٌ yang bermaksud menafikan. Contohnya adalah :

أَوْ مَنْ يَنْشَأُ فِي الْحَلِيَّةِ وَهُوَ فِي الْخِصَامِ غَيْرٌ مُبِينٍ<sup>116</sup>

‘Patutkah (yang dikatakan anak Allah itu jenis perempuan) yang biasanya dididik dan dibesarkan dalam perhiasan, sedang ia semasa berbantah dan bertikam lidah tidak dapat memberikan alasan yang jelas?’

Dalam ayat وَهُوَ فِي الْخِصَامِ غَيْرٌ مُبِينٍ ‘Ia semasa berbantah dan bertikam lidah tidak dapat memberikan alasan yang jelas’ dapat diertikan dengan وَهُوَ غَيْرٌ مُبِينٍ فِي

<sup>114</sup> Al-Qur’an. Surah Ibrahim. Ayat 47

<sup>115</sup> Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 290

<sup>116</sup> Al-Qur’an. Surah al-Zukhruf. Ayat 18

الْخِصَامِ ‘Ia tidak dapat memberikan alasan yang jelas semasa berbantah dan bertikam lidah’. Kita dapat mengandaikannya seolah-olah kita mengatakan وَهُوَ لَا يُبَيِّنُ فِي الْخِصَامِ kerana ayat ini mengandungi lafaz غَيْرُ yang bermakna menafikan.

9. Mudaf yang bukan masdar dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang berbentuk masdar. Antaranya jika asal mudafnya adalah kata nama tanya. Contohnya adalah :

وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ<sup>117</sup>

‘Dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman akan mengetahui kelak, ke tempat mana mereka akan dikembalikan’

Asalnya adalah وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا يُنْقَلِبُونَ atau وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا يُنْقَلِبُونَ أَيَّ مُنْقَلَبٍ. Perkataan أَيَّ pada asalnya adalah kata nama tanya. Dalam ayat ini ia berkedudukan sebagai objek mutlak. Yang mengakusatifikannya adalah kata kerja kala kini, iaitu يَنْقَلِبُونَ ‘mereka kembali’. Ia menggantikan posisi masdar pertama, iaitu مُنْقَلَبًا ‘kembali’. Oleh itu ia dinamakan na’ib masdar dan terpengaruh oleh masdar yang terdapat pada mudaf ilayh.

10. Mudaf dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang berbentuk zarf. Dengan syarat mudafnya lafaz كُلُّ atau بَعْضٌ atau sesuatu yang menunjukkan keseluruhan (كُلِّيَّةً) atau sebahagian (جُزْئِيَّةً) dan mudaf ilayh asalnya adalah zarf. Contohnya adalah :

a. Mudafnya adalah lafaz كُلُّ :

تُؤْتِيهِ أَكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا<sup>118</sup>

‘Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya’

<sup>117</sup> Al-Qur’an. Surah al-Syu‘ara’. Ayat 227

<sup>118</sup> Al-Qur’an. Surah Ibrahim. Ayat 25

Dalam ayat ini mudaf كَلُّ 'tiap-tiap' diidafatkan kepada lafaz حِينِ 'masa' yang asalnya adalah zarf, tetapi fungsinya sebagai zarf berpindah kepada lafaz كَلُّ 'tiap-tiap' kerana al-Idafat dan ia mestilah dalam keadaan akusatif kerana zarf pada asalnya adalah dalam keadaan akusatif.

b. Mudafnya adalah lafaz بَعْضُ :

قَالَ كَمْ لَبِثْتَ قَالَ لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ<sup>119</sup>

'Dia bertanya : "Berapa lamakah engkau tinggal (di sini)?"? Ia menjawab : "Aku telah tinggal (di sini) sehari atau setengah hari'

Dalam ayat ini lafaz بَعْضَ 'setengah' diidafatkan kepada zarf يَوْمٍ yang asalnya adalah zarf, tetapi fungsinya sebagai zarf berpindah kepada lafaz بَعْضَ 'setengah' kerana al-Idafat dan ia mestilah dalam keadaan akusatif kerana zarf pada asalnya adalah dalam keadaan akusatif.

Berdasarkan huraian mengenai hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim di atas, perbezaannya dengan hukum-hukum yang wajib bagi al-Idafat dalam bahasa Arab adalah :

1. Dalam al-Qur'an al-Karim tidak ada hukum mudaf dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang wajib didahulukan. Dengan syarat mudaf ilayhnya adalah lafaz yang wajib didahulukan. Hukum ini dapat berpindah daripada lafaz kedua kepada lafaz pertama. Maksudnya apabila mudaf ilayh tersebut adalah lafaz yang sememangnya wajib didahulukan dalam sesebuah ayat - seperti kata nama tanya - maka hukum mendahulukannya tidak berlaku lagi ketika ia berposisi sebagai mudaf

<sup>119</sup> Al-Qur'an. Surah al-Baqarat. Ayat 259

ilayh dan hukum mendahulukannya berpindah kepada mudaf yang bukan lafaz yang pasti didahulukan.

Contohnya dalam ayat **أُمُّ مَنْ مَعَكَ؟** ‘Ibu siapa yang bersamamu?’. Kata nama tanya **مَنْ** ‘siapa’ dalam ayat ini sememangnya adalah lafaz yang wajib didahulukan. Disebabkan ia berkedudukan sebagai mudaf ilayh, maka hukum mendahulukannya berpindah kepada mudaf **أُمُّ** ‘ibu’ yang sememangnya bukanlah lafaz yang pasti didahulukan. Bentuk struktur al-Idāfat seperti ini, tidak ditemukan dalam al-Qur’an al-Karim.

2. Di samping itu letak perbezaan berkaitan hukum-hukum yang wajib bagi al-Idāfat dalam al-Qur’an al-Karim adalah bentuk-bentuk pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh. Bentuk pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh dalam bahasa Arab lebih pelbagai dibandingkan dengan bentuk pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh dalam al-Qur’an al-Karim. Dalam bahasa Arab, mudaf dan mudaf ilayh dapat dipisahkan oleh zarf, objek kedua, partikel Genitif dan kata nama yang digenitifkan, lafaz sumpah, ayat syarat, **Ma al-Za’ida**, lafaz tawkid, pelaku, pelaku asing, objek asing, zarf asing, partikel Genitif dan majrur asing, kata sifat mudaf dan nida’. Manakala dalam al-Qur’an al-Karim, mudaf dan mudaf ilayh hanya dipisahkan oleh objeknya sahaja. Bentuk pemisahan ini hanya mengikut ilmu qira’at.

### **3.2.2 HUKUM-HUKUM YANG HARUS BAGI AL-IDAFAT DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM**

Hukum-hukum yang harus bagi al-Idāfat dalam al-Qur’an al-Karim adalah sama dengan apa yang terdapat dalam bahasa Arab, iaitu seperti berikut :

1. Mudaf maskulin boleh menjadi feminin kerana mudaf ilayhnya adalah feminin dengan dua syarat, iaitu :

- a. Mudaf merupakan sebahagian daripada mudaf ilayh, seolah-olah sebahagiannya (مثل جزئه) atau keseluruhannya (كل له).
- b. Mudaf layak digugurkan dan tempatnya digantikan oleh mudaf ilayh tanpa merubah makna

- Contoh mudaf yang merupakan sebahagian daripada mudaf ilayh adalah :

وَأَلْقُوهُ فِي غِيَابَةِ الْجُبِّ يَلْتَقِطُهُ بَعْضُ السَّيَّارَةِ<sup>120</sup>

‘Buanglah ia kedalam perigi supaya ia dipungut oleh sebahagian daripada orang-orang musafir (yang lalu di situ)’

Al-Hasan membaca ya’ mudara‘at pada kata kerja يَلْتَقِطُ ‘memungut’ dengan ta’ mudara‘at (تَلْتَقِطُ) kerana mudaf ilayhnya adalah lafaz السَّيَّارَةِ ‘orang-orang musafir yang lalu di situ’ yang merupakan lafaz feminin. Lafaz ini dapat menjadikan mudaf yang ada pada lafaz بَعْضُ ‘sebahagian’ yang maskulin menjadi feminin.<sup>121</sup>

- Contoh mudaf yang merupakan keseluruhan mudaf ilayh adalah :

يَوْمَ تَأْتِي كُلُّ نَفْسٍ تُجَادِلُ عَنْ نَفْسِهَا وَتُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا عَمِلَتْ<sup>122</sup>

‘(Allah akan mengampunkan dosa-dosa mereka itu pada hari kiamat), hari tiap-tiap diri datang membela dirinya semata-mata, dan tiap-tiap diri disempurnakan balasan apa yang ia telah kerjakan (sama ada baik atau jahat)’

<sup>120</sup> Al-Qur’an. Surah Yusuf. Ayat 10

<sup>121</sup> Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 268

<sup>122</sup> Al-Qur’an. Surah al-Nahl. Ayat 111

Dalam ayat ini, kata kerja تَأْتِي 'datang', تُجَادِلُ 'membela diri', تُؤَفِّي 'disempurnakan' dan عَمِلَتْ 'mengerjakan' dijadikan feminin kerana mudaf ilayh pada lafaz نَفْسٍ 'diri' adalah feminin. Oleh itu lafaz كُلُّ 'tiap-tiap' yang berfungsi sebagai pelaku maskulin terpengaruh untuk menjadi feminin kerana ia diidafatkan kepada lafaz نَفْسٍ 'diri' yang feminin.

2. Mudaf feminin boleh menjadi maskulin kerana mudaf ilayhnya adalah maskulin.

Contohnya adalah :

إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ<sup>123</sup>

'Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat baik'

Dalam ayat ini struktur al-Idafatnya adalah رَحْمَةَ اللَّهِ 'rahmat Allah'. Ia adalah isim inna. Mudafnya dalam bentuk feminin dan mudaf ilayhnya dalam bentuk maskulin. Mudaf dalam ayat ini terpengaruh oleh mudaf ilayh yang berbentuk maskulin sehingga khabar inna 'قَرِيبٌ' yang semestinya berbentuk feminin menjadi maskulin. Jika mudaf ilayh digugurkan menjadi إِنَّ اللَّهَ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ 'Sesungguhnya Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat baik', ia tidak akan merubah makna dari ayat ini.

3. Mudaf yang mu'rab (fleksi) boleh menjadi mabniyy kerana mudaf ilayhnya adalah mabniyy. Ia terletak pada tiga tempat, iaitu :

- a. Jika mudaf adalah kata nama mu'rab (fleksi) yang samar selain kata nama masa, seperti مِثْلُ, شِبْهُ, غَيْرُ dan lain-lain. Manakala mudaf ilayhnya mabniyy, seperti ganti nama, kata nama tunjuk. Dalam keadaan ini mudaf boleh tetap dii'rabkan sebagaimana semestinya atau mabniyy dengan baris atas. Contohnya adalah :

<sup>123</sup> Al-Qur'an. Surah al-A'raf. Ayat 56

إِنَّكُمْ إِذَا مِثْلَهُمْ<sup>124</sup>

‘Sesungguhnya (jika kamu melakukan yang demikian), tentulah kamu sama seperti mereka’

Kata nama مِثْلٌ ‘sama’ dalam ayat ini i‘rabnya dengan baris hadapan kerana ia adalah khabar inna. Ia dapat dibaca dengan baris atas. Nahuwan Basrah mengatakan demikian dengan menganggapnya mabniyy kerana diidafatkan kepada ganti nama mabniyy. Manakala nahuwan Kufah mengakusatifkannya dengan menganggapnya Zarf. Jadi akusatifnya adalah mahalliyy.<sup>125</sup>

b. Jika mudaf adalah masa yang samar dan asalnya adalah mu‘rab (fleksi). Manakala mudaf ilayhnya adalah kata nama tunggal mabniyy (selain ganti nama, kata nama tunjuk dan ayat). Kata nama ini tidak boleh dalam bentuk duaan. Contohnya adalah :

يَوْمَ الْمُجْرِمِ لَوْ يَفْتَدِي مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍ بَيْنِيهِ<sup>126</sup>

‘Orang yang kafir suka kiranya dapat menebus dirinya dari azab pada hari itu dengan anak-anaknya sendiri’

Kata nama masa يَوْمٌ asalnya adalah mu‘rab. Ia boleh digenitifkan kerana ia adalah mudaf ilayh atau mabniyy dengan baris atas di tempat genitif. Kata nama masa يَوْمٌ juga adalah mudaf kepada lafaz إِذٍ yang terletak sesudahnya. Kata nama يَوْمٌ ‘hari’ di sini samar kerana maksudnya adalah masa yang tidak tertentu.

<sup>124</sup> Al-Qur’an. Surah al-Nisa’, Ayat 40

<sup>125</sup> Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 269

<sup>126</sup> Al-Qur’an. Surah al-Ma‘arj. Ayat 11



- c. Jika mudaf yang mu‘rab (fleksif) adalah masa yang samar dan mudaf ilayhnya adalah ayat kerja kala kini yang kata kerjanya mu‘rab (fleksif), maka mudaf boleh dalam dua keadaan, sama ada mu‘rab atau mabniyy dengan baris atas. Namun begitu, mudaf tersebut lebih baik dii‘rabkan. Contohnya adalah :

هَذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ<sup>127</sup>

‘Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang-orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka’

Kata nama يَوْمٌ ‘hari’ dalam ayat ini boleh dalam dua keadaan, iaitu mu‘rab dengan baris hadapan kerana ia adalah khabar dari muftada’ هَذَا ‘ini’ dan mudaf ilayhnya adalah ayat kala kini yang kata kerjanya mu‘rab. Ia juga boleh mabniyy dengan baris atas seperti qira’at Imam Nafi’.<sup>128</sup>

4. Ta’ Ta’nith di akhir mudaf boleh digugurkan dengan syarat bebas dari kesamaran ketika ia digugurkan dan tidak ada makna yang tersembunyi. Contohnya adalah :

وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ<sup>129</sup>

‘Dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat’

Dalam ayat ini ta’ ta’nith yang digugurkan ada pada struktur al-Idafatِ إِقَامَ الصَّلَاةِ ‘mendirikan sembahyang’. Asalnya adalah إِقَامَةَ الصَّلَاةِ. Ta’ ta’nith digugurkan untuk meringankan penuturan dan penggugurannya tidak menimbulkan kesamaran dan tersembunyinya makna sebenar dari ayat ini.

<sup>127</sup> Al-Qur’an. Surah al-Mā’ida. Ayat 119

<sup>128</sup> Syaykh Mustafa al-Ghalayainiy. 1997. *Jami’ al-Durus al-‘Arabiyya*. Juzuk.3. Cet.2. Beirut : al-Maktabat al-‘Asriyya, h. 70

<sup>129</sup> Al-Qur’an. Surah al-Anbiya’. Ayat 73

Berdasarkan huraian mengenai hukum-hukum yang harus bagi al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim di atas, perbezaannya dengan hukum-hukum yang harus bagi al-Idafat dalam bahasa Arab adalah :

1. Dalam al-Qur'an al-Karim tidak ada contoh mudaf yang feminin dapat menjadi maskulin yang mudafnya seolah-olah sebahagian daripada mudaf ilayh yang maskulin atau mudafnya adalah keseluruhan daripada mudaf ilayh yang maskulin.
2. Dalam al-Qur'an al-Karim tidak ada contoh mudaf yang merupakan masa yang samar dan mudaf ilayhnya ayat kerjaan yang kata kerjanya mabniyy, sama ada mabniyy pada asalnya (kata kerja lampau) atau 'aridiyy (kata kerja kala kini yang bersambung dengan nun tawkid atau nun niswat).
3. Dalam al-Qur'an al-Karim tidak ada contoh mudaf yang mu'rab adalah masa yang samar dan mudaf ilayhnya adalah ayat namaan.
4. Dalam al-Qur'an al-Karim tidak ada contoh mudaf yang maskulin dapat menjadi feminin yang mudafnya seolah-olah sebahagian daripada mudaf ilayh yang feminin.

### **3.3 KATA NAMA DAN AL-IDAFAT DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM**

Kata nama berkaitan al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim dibahagi kepada tiga, iaitu : kata nama yang boleh diidafatkan, kata nama yang wajib diidafatkan dan kata nama yang tidak boleh diidafatkan.

### 3.3.1 KATA NAMA YANG BOLEH DIIDAFATKAN DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Kata nama yang boleh diidafatkan dalam al-Qur'an al-Karim memiliki ciri yang sama dengan kata nama yang boleh diidafatkan dalam bahasa Arab, iaitu kata nama indefinit secara 'amnya. Perbezaannya adalah susunan struktur al-Idafaṭ ini tidak dapat diubah kerana ia adalah Kalamullah dan tidak seorangpun yang boleh merubah susunannya. Contohnya adalah :

مَلِكِ النَّاسِ<sup>130</sup>

'Yang Menguasai sekalian manusia'

Perkataan مَلِكِ 'Yang Menguasai' dalam ayat di atas diidafatkan kepada kata nama النَّاسِ 'manusia'. Pada hakikatnya kata nama مَلِكِ 'Yang Menguasai' boleh diidafatkan kepada sebarang kata nama tetapi kerana perkataan ini adalah Kalamullah, ia mesti diidafatkan kepada kata nama dalam surah al-Nas ayat ke-2 ini, iaitu kata nama النَّاسِ 'manusia'.

### 3.3.2 KATA NAMA YANG WAJIB DIIDAFATKAN DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Kata nama yang wajib diidafatkan dalam al-Qur'an al-Karim ada dua, iaitu kata nama yang diidafatkan kepada kata nama tunggal dan kata nama yang diidafatkan kepada ayat. Manakala kata nama yang dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal dan juga ayat tidak ditemukan dalam al-Qur'an al-Karim.

---

<sup>130</sup> Al-Qur'an. Surah al-Nas. Ayat 2

### 3.3.2.1 KATA NAMA YANG DIIDAFATKAN KEPADA KATA NAMA TUNGGAL (مفرد) DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Kata nama yang diidafatkan kepada kata nama tunggal (مفرد) dalam al-Qur'an al-Karim terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :

1. Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal zahir atau ganti nama dan mudafnya boleh diputuskan dari al-Idafat secara lafaz bukan secara makna.

Contohnya adalah :

- <sup>131</sup> وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا

‘Allah adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu’

- <sup>132</sup> وَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا

‘Kami kurniakan kepadanya : Ishaq (anaknya) dan Ya‘qub (cucunya); dan kedua-duanya Kami jadikan berpangkat Nabi’

Dalam kedua-dua ayat di atas kata nama كُلُّ ‘tiap-tiap’ dapat diidafatkan atau diputuskan dari al-Idafat. Apabila ia diputuskan daripada al-Idafat, bererti mudaf ilayhnya digugurkan. Pada ayat pertama kata nama كُلُّ ‘tiap-tiap’ diidafatkan kepada kata nama شَيْءٍ ‘sesuatu’. Manakala pada ayat kedua kata nama كُلُّ ‘tiap-tiap’ diputuskan daripada al-Idafat dan mudaf ilayhnya digugurkan. Andaiannya adalah كُلُّ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ ‘tiap-tiap Ishaq dan tiap-tiap Ya‘qub’.

- <sup>133</sup> تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

‘Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain’

<sup>131</sup> Al-Qur'an. Surah al-Fath. Ayat 21

<sup>132</sup> Al-Qur'an. Surah Maryam. Ayat 49

<sup>133</sup> Al-Qur'an. Surah al-Baqarat. Ayat 252

Dalam ayat di atas kata nama بَعْضُ ‘sebahagian’ pertama diidafatkan kepada ganti nama هُمْ ‘mereka’. Manakala kata nama بَعْضُ ‘sebahagian’ kedua diputuskan daripada al-Idafat dan mudaf ilayhnya digugurkan. Andaiannya adalah بَعْضُ الرُّسُلِ ‘sebahagian rasul-rasul’.

- <sup>134</sup> وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ فَأَيَّ آيَاتِ اللَّهِ تُنْكِرُونَ

‘Dan ia memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kebesaran-Nya dan kekuasaan-Nya (melalui Rasul-rasul-Nya dan pada makhluk-makhluk yang dijadikan-Nya); maka di antara tanda-tanda kesempurnaan Allah yang mana satu yang kamu ingkari’

- <sup>135</sup> أَيُّمَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى

‘Yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua nama itu adalah baik belaka) kerana Allah mempunyai banyak nama yang baik serta mulia’

Dalam kedua-dua ayat di atas kata nama أَيَّ ‘yang mana’ dapat diidafatkan atau diputuskan dari al-Idafat. Apabila ia diputuskan daripada al-Idafat, bererti mudaf ilayhnya digugurkan. Pada ayat pertama kata nama أَيَّ ‘yang mana’ diidafatkan kepada kata nama آيَاتِ ‘ayat-ayat’. Manakala pada ayat kedua kata nama أَيَّ ‘yang mana’ diputuskan daripada al-Idafat dan mudaf ilayhnya digugurkan. Andaiannya adalah أَيَّ إِسْمٍ تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ‘Nama mana sahaja yang kamu serukan maka Allah mempunyai banyak nama yang baik serta mulia’.

2. Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal atau ganti nama dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat secara lafaz. Bentuk-bentuknya adalah :

<sup>134</sup> Al-Qur’an. Surah Ghafir. Ayat 81

<sup>135</sup> Al-Qur’an. Surah al-Isra’. Ayat 110

- a. Kata nama yang diidafatkan kepada kata nama zahir tunggal, seperti أُولُوا, أُولَاتُ ذَوَاتُ, ذُو, ذَاتُ, ذَوَا, ذَوَاتَا, ذَوَاتٍ. Semua kata nama ini bermaksud ‘pemilik atau tuan’.

Contohnya adalah :

- <sup>136</sup> وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ

‘Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran’

- <sup>137</sup> وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجْلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

‘Dan perempuan-perempuan yang mengandung tempoh ‘idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya’

- <sup>138</sup> وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

‘Dan akan kekalah zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan’

- <sup>139</sup> وَ النَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ

‘Dan pohon-pohon korma yang ada kelopak-kelopak mayang’

- <sup>140</sup> ذَوَاتَا أَفْنَانٍ

‘(Dua syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan’

- <sup>141</sup> مَعَاذَ اللَّهِ

‘Aku berlindung kepada Allah (daripada perbuatan keji itu).

<sup>136</sup> Al-Qur’an. Surah Ali ‘Imrān. Ayat 7

<sup>137</sup> Al-Qur’an. Surah al-Talaq. Ayat 4

<sup>138</sup> Al-Qur’an. Surah al-Rahmān. Ayat 27

<sup>139</sup> Al-Qur’an. Surah al-Rahmān. Ayat 11

<sup>140</sup> Al-Qur’an. Surah al-Rahmān. Ayat 48

<sup>141</sup> Al-Qur’an. Surah Yusuf. Ayat 23

Dalam ayat-ayat di atas kata nama أُولُوا, أُولَاتُ, ذُو, ذَاتُ, ذَوَاتَا dan مَعَادَ wajib diidafatkan dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat. Ia memerlukan mudaf ilayh untuk melengkapkan maknanya.

b. Kata nama yang diidafatkan kepada ganti nama secara mutlak, iaitu kata nama وَحَدَّ dan كُلُّ yang digunakan untuk tawkid. Contohnya adalah :

- <sup>142</sup> وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِي الْقُرْآنِ وَحَدَّهُ وَلَوْ عَلَىٰ أَدْبَارِهِمْ نُفُورًا

‘(Dan sebab itulah) apabila engkau menyebut nama Tuhanmu sahaja dalam al-Qur’an, mereka berpaling undur melarikan diri’

Dalam ayat ini kata nama وَحَدَّ wajib diidafatkan kepada ganti nama هُ ‘dia’ dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat kerana ia digunakan untuk tawkid.

- <sup>143</sup> فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعِينَ

‘Maka sujudlah sekalian malaikat, semuanya sekali’

Dalam ayat ini kata nama كُلُّ wajib diidafatkan kepada ganti nama هُمْ ‘mereka’ secara mutlak dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat kerana ia juga digunakan untuk tawkid.

c. Kata nama yang diidafatkan kepada kata nama Zahir atau ganti nama. Contohnya adalah :

- <sup>144</sup> كِلْتَا الْجَنَّتَيْنِ آتَتْ أُكْلَهَا

‘Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya’

<sup>142</sup> Al-Qur’an. Surah al-Isra’. Ayat 46

<sup>143</sup> Al-Qur’an. Surah al-Hijr. Ayat 30

<sup>144</sup> Al-Qur’an. Surah al-Kahf. Ayat 33

- <sup>145</sup> إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٌ

‘Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ah”

Dalam kedua-dua ayat ini kita dapat melihat bahawa kata nama كِلا atau كِلْتَا ‘kedua-dua’ wajib diidafatkan kepada kata nama Zahir الْحَتَّتَيْنِ atau ganti nama هُمَا ‘mereka berdua’ dan tidak boleh diputuskan daripada al-Idafat.

### 3.3.2.2 KATA NAMA YANG DIIDAFATKAN KEPADA AYAT (الجملة)DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM

Kata nama yang wajib diidafatkan kepada ayat dalam al-Qur’an al-Karim, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan adalah حَيْثُ, إِذَا, dan لَمَّا. Kata nama-kata nama ini berposisi sebagai mudaf dan ayat yang terletak setelahnya adalah mudaf ilayh di tempat genitif. Di bawah ini akan dihuraikan contoh-contohnya.

1. Kata nama حَيْثُ. Ia hanya diidafatkan kepada ayat kerjaan sahaja. Contohnya ialah :

<sup>146</sup> فَكُلُوا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا

‘Kemudian makanlah kamu (dari benda-benda yang ada di dalamnya) dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai’

Kata nama حَيْثُ di atas diidafatkan kepada ayat kerjaan شِئْتُمْ ‘kamu sukai’.

<sup>145</sup> Al-Qur’an. Surah al-Isra’. Ayat 23

<sup>146</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqarat. Ayat 58



2. Kata nama إِذْ. Ia dapat diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan.

- Contoh kata nama إِذْ yang diidafatkan kepada ayat namaan adalah :

وَإِذْ كُرُوا إِذْ أَنْتُمْ قَلِيلٌ<sup>147</sup>

‘Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya’

Kata nama إِذْ dalam ayat ini diidafatkan kepada ayat namaan, iaitu أَنْتُمْ قَلِيلٌ ‘kamu sekalian sedikit’. Andaiannya adalah وَإِذْ كُرُوا وَقَتَ كَوْنِكُمْ قَلِيلًا ‘Dan ingatlah semasa keadaan kamu sekalian sedikit’.

- Contoh kata nama إِذْ yang diidafatkan kepada ayat kerjaan adalah :

وَإِذْ كُرُوا إِذْ كُنْتُمْ قَلِيلًا<sup>148</sup>

‘Dan ingatlah semasa kamu dahulu sedikit bilangannya’

Kata nama إِذْ dalam ayat ini diidafatkan kepada ayat kerjaan كُنْتُمْ قَلِيلًا ‘keadaan kamu sedikit’. Andaiannya adalah وَإِذْ كُرُوا وَقَتَ كَوْنِكُمْ قَلِيلًا ‘Dan ingatlah semasa keadaan kamu sekalian sedikit’.

Kata nama إِذْ kadang-kadang dapat berkedudukan sebagai mudaf ilayh daripada kata nama masa. Contohnya dalam ayat berikut :

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا<sup>149</sup>

‘Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami’

<sup>147</sup> Al-Qur’an. Surah al-Anfal. Ayat 26

<sup>148</sup> Al-Qur’an. Surah al-A‘raf. Ayat 86

<sup>149</sup> Al-Qur’an. Surah Ali ‘Imrān. Ayat 8

Kata nama إِذٍ dalam ayat di atas adalah mudaf ilayh. Mudafnya adalah kata nama masa بَعْدَ ‘setelah’. Kata nama إِذٍ dalam ayat ini juga berkedudukan sebagai mudaf kepada ayat kerjaan yang terletak sesudahnya, iaitu هَدَيْتَنَا ‘Engkau beri petunjuk kepada kami’.

3. Kata nama إِذَا. Ia dapat diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan.

- Contoh kata nama إِذَا yang diidafatkan kepada ayat namaan adalah :

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ<sup>150</sup>

‘Apabila matahari dilingkari cahayanya (dan hilang lenyap)’

Dalam ayat ini kata nama إِذَا diidafatkan kepada ayat namaan الشَّمْسُ كُوِّرَتْ ‘matahari dilingkari cahayanya’.

- Contoh kata nama إِذَا yang diidafatkan kepada ayat kerjaan adalah :

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ<sup>151</sup>

‘Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan’

Dalam ayat ini kata nama إِذَا diidafatkan kepada ayat kerjaan جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ ‘datang pertolongan Allah dan kemenangan’.

4. Kata nama لَمَّا. Ia hanya diidafatkan kepada ayat kerjaan sahaja. Contohnya adalah :

فَلَمَّا رَأَاهَا تَهَتَّتْ كَأَنَّهَا جَانٌّ وَلَّى مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ<sup>152</sup>

‘Maka ketika ia melihat tongkatnya (menjadi seekor ular besar) bergerak cepat tangkas, seolah-olah seekor ular kecil, berpalinglah ia melarikan diri dan tidak menoleh lagi’

<sup>150</sup> Al-Qur’an. Surah al-Takwir. Ayat 1

<sup>151</sup> Al-Qur’an. Surah al-NaSr. Ayat 1

<sup>152</sup> Al-Qur’an. Surah al-Naml. Ayat 10

Dalam ayat ini kata nama لَمَّا diidafatkan kepada ayat kerjaan رَأَاهَا ‘Ia melihatnya’

Dalam bahasa Arab kata nama لَدُنْ dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal dan ayat. Manakala dalam al-Qur’an al-Karim kata nama ini hanya dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal sahaja. Contohnya adalah :

وَأِنَّكَ لَتَلَقَّى الْقُرْآنَ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ<sup>153</sup>

‘Dan sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha mengetahui’

Dalam ayat ini, kata nama لَدُنْ diidafatkan kepada kata nama tunggal, iaitu حَكِيمٍ ‘Yang Maha Bijaksana’.

### 3.3.3 KATA NAMA YANG TIDAK BOLEH DIIDAFATKAN DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM

Kata nama yang tidak boleh diidafatkan dalam al-Qur’an al-Karim sama dengan kata nama yang tidak boleh diidafatkan dalam bahasa Arab, iaitu kata nama isyarat (أَسْمَاءُ الْإِشَارَةِ), kata nama penyambung (الأَسْمَاءُ الْمَوْصُولَةُ), ganti nama (الضَّمَائِرُ), kata nama syarat (أَسْمَاءُ الشَّرْطِ), kata nama tanya (أَسْمَاءُ الْاسْتِفْهَامِ), dan babnya, أَيُّ ketika menjadi penyambung kepada nida’ yang di dalamnya ada alif lam (أَلِ), مَثْنَى, ثَلَاثَ, مَثْنَى, عَشَارَ....رُبَاعَ, ثَلَاثَ, مَثْنَى, (أَلِ). Maksudnya kata nama-kata nama ini tidak boleh berfungsi sebagai mudaf, ia hanya boleh berfungsi sebagai mudaf ilayh. Contohnya adalah :

يَعْفِرُ لَكُمْ مِنْ ذُنُوبِكُمْ<sup>154</sup>

‘Supaya Allah mengampunkan sebahagian dari dosa-dosa kamu’

<sup>153</sup> Al-Qur’an. Surah al-Naml. Ayat 6

<sup>154</sup> Al-Qur’an. Surah al-Ahqaf. Ayat 31

Ganti nama كُم ‘kamu sekalian’ pada struktur al-Idafatِ ذُنُوبِكُمْ ‘dosa kamu sekalian’ dalam ayat di atas tidak dapat diidafatkan. Ia tidak dapat berfungsi sebagai mudaf, hanya berfungsi sebagai mudaf ilayh.

Terdapat pengecualian bagi kata nama أَيُّ yang dapat berfungsi sebagai kata nama penyambung, kata nama syarat dan kata nama tanya. Contohnya adalah :

- <sup>155</sup> وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ لِيَبْلُوكُمُ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

‘Sedang arasy-Nya berada di atas air (Ia menjadikan semuanya itu) untuk menguji kamu; siapakah antara kamu yang lebih baik amalnya’

Dalam ayat di atas, kata nama أَيُّ berfungsi sebagai mudaf berbentuk kata nama penyambung yang bermaksud الَّذِي هُوَ أَحْسَنُ ‘yang ia lebih baik’. Mudaf ilayhnya adalah ganti nama كُم ‘kamu sekalian’.

- <sup>156</sup> أَيُّمَا الْأَجَلَيْنِ قَضَيْتُ فَلَا عُدْوَانَ عَلَيَّ وَاللَّهُ عَلَى مَا نَقُولُ وَكِيلٌ

‘Yang mana sahaja dari dua tempoh itu aku tunaikan, maka janganlah hendaknya aku disalahkan. Dan Allah jualah menjadi Pengawas terhadap apa yang kita katakan itu’

Dalam contoh kedua ini, kata nama أَيُّ berfungsi sebagai mudaf berbentuk kata nama syarat. Mudaf ilayhnya kata nama الْأَجَلَيْنِ ‘dua tempoh’. Adapun مَا yang terletak sesudah kata nama أَيُّ adalah مَا الزَّائِدَةُ ‘Ma Tambahan’.

- <sup>157</sup> فَبَأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ

‘Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah itu mereka mahu beriman’

<sup>155</sup> Al-Qur’an. Surah Hud. Ayat 7

<sup>156</sup> Al-Qur’an. Surah al-Qasas. Ayat 28

<sup>157</sup> Al-Qur’an. Surah al-A’raf. Ayat 185

Dalam contoh kedua ini, kata nama أَيُّ berfungsi sebagai mudaf berbentuk kata nama tanya. Mudaf ilayhnya adalah kata nama حَدِيثٍ ‘perkataan’.

Berdasarkan huraian di atas mengenai kata nama dan al-Idafaṭ, perbezaan struktur al-Idafaṭ al-Qur’an al-Karim dan struktur al-Idafaṭ bahasa Arab adalah :

- 1) Dalam al-Qur’an al-Karim tidak ada kata nama yang wajib diidafaṭkan kepada ganti nama sahaja, seperti لَيْتَكَ.
- 2) Kata nama حَيْثُ dalam al-Qur’an al-Karim hanya diidafaṭkan kepada ayat kerjaan sahaja, manakala dalam bahasa Arab kata nama ini juga dapat diidafaṭkan kepada ayat namaan.
- 3) Kata nama إِذَا mengikut kaedah tatabahasa Arab hanya dapat diidafaṭkan kepada ayat kerjaan sahaja, manakala dalam al-Qur’an al-Karim kata nama ini juga dapat diidafaṭkan kepada ayat namaan mengikut pandangan nahuwan Kufah.
- 4) Kata nama لَدُنْ dalam al-Qur’an al-Karim hanya diidafaṭkan kepada kata nama tunggal sahaja, manakala dalam bahasa Arab kata nama ini juga dapat diidafaṭkan kepada ayat.
- 5) Dalam al-Qur’an al-Karim tidak ada kata nama مُذٌ dan مُنْذٌ yang dapat diidafaṭkan kepada ayat, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan.

### 3.4 BENTUK-BENTUK AL-IDAFAT̲ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Bentuk-bentuk struktur al-Idafat̲ dalam al-Qur'an al-Karim hampir sama dengan struktur al-Idafat̲ dalam bahasa Arab, hanya ada sedikit perbedaannya. Bentuk-bentuk struktur al-Idafat̲ dalam al-Qur'an al-Karim akan diuraikan di bawah ini.

#### 3.4.1 AL-IDAFAT̲ KEPADA YA' MUTAKALLIM

Beberapa hukum berkaitan al-Idafat̲ kepada Ya' Mutakalim dalam al-Qur'an al-Karim adalah seperti berikut :

1. Wajib membarisbawahkan akhir mudaf dan Ya' Mutakalim dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif, iaitu jika :
  - a. Mudaf adalah kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah. Contohnya adalah :

• <sup>158</sup> إِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ

‘Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu’

• <sup>159</sup> أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَنْ يَقُولَ رَبِّيَ اللَّهُ وَقَدْ جَاءَكُمْ بِالْبَيِّنَاتِ مِنْ رَبِّكُمْ

‘Patutkah kamu membunuh seorang lelaki kerana ia mengatakan : “Tuhanku ialah Allah” sedangkan ia telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan daripada Tuhan kamu?’

Kata nama رَبُّ ‘Tuhan’ yang bergaris bawah dalam kedua-dua ayat di atas adalah mudaf kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah yang diidafatkan kepada

<sup>158</sup> Al-Qur'an. Surah Ali 'Imrān. Ayat 51

<sup>159</sup> Al-Qur'an. Surah Ghafir. Ayat 28

Ya' Mutakalim. Ia wajib dibarisbawahkan. Manakala Ya' Mutakallim (mudaf ilayh) dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif.

b. Mudaf adalah jam' taksir. Contohnya adalah :

- <sup>160</sup> فَادْخُلِي فِي عِبَادِي

'Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hamba-Ku yang berbahagia'

- <sup>161</sup> قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ

'Katakanlah (wahai Muhammad) : "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah'

Kata nama عِبَاد 'hamba-hamba' dalam kedua-dua ayat di atas adalah mudaf yang berbentuk jam' taksir. Ia wajib dibarisbawahkan. Manakala Ya' Mutakalim (mudaf ilayh) dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif.

c. Mudaf adalah jam' muannath salim. Contohnya adalah :

- <sup>162</sup> وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِنِّي فَاتَّقُونَ

'Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang rendah, dan hanya kepada Akulah kamu harus bertakwa'

- <sup>163</sup> سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ

<sup>160</sup> Al-Qur'an. Surah al-Fajr. Ayat 29

<sup>161</sup> Al-Qur'an. Surah al-Zumar. Ayat 53

<sup>162</sup> Al-Qur'an. Surah al-Baqarat. Ayat. 41

<sup>163</sup> Al-Qur'an. Surah al-A'raf. Ayat 146

‘Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sombong takbur di muka bumi  
dengan tiada alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayat-Ku’

Kata nama آيَات ‘ayat-ayat’ dalam kedua-dua ayat di atas adalah mudaf yang  
berbentuk jam‘ mu‘annath salim. Ia wajib dibarisbawahkan. Manakala Ya’  
Mutakalim (mudaf ilayh) dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif.

Adapun contoh al-Idafat kepada Ya’ Mutakalim setelah Ya’ bersabdu dalam al-  
Qur’an al-Karim adalah :

- أَنْتَ وَلِيِّ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ<sup>164</sup>

‘Engkau Penguasa dan Pelindungku di dunia dan akhirat’

- إِنَّ وَلِيَّيَ اللَّهُ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ<sup>165</sup>

‘Sesungguhnya Pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan Kitab (Al-Qur’an)

Kata nama وَلِيٍّ ‘Pelindung’ dalam kedua-dua ayat ini adalah mudaf yang huruf  
akhirnya adalah Ya’ bersabdu. Ia wajib dibarisbawahkan, manakala Ya’ Mutakalim  
dapat dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif.

2. Wajib membarismatikan akhir mudaf dan Ya’ Mutakalim dibina dengan baris atas,  
iaitu jika :

a. Mudaf adalah kata nama maqsur, iaitu yang diakhiri dengan Alif Lazimat.

Contohnya adalah :

- فَمَنْ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ<sup>166</sup>

<sup>164</sup> Al-Qur’an. Surah Yusuf. Ayat 101

<sup>165</sup> Al-Qur’an. Surah al-A‘raf. Ayat 196

<sup>166</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqarat. Ayat 38



‘Maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku itu, nescaya tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berduka cita’

Kata nama هُدًى ‘petunjuk’ dalam ayat ini adalah mudaf yang berbentuk kata nama maqsur. Ia wajib dimatikan, manakala mudaf ilayhnya adalah Ya’ Mutakalim dan dibina dengan baris atas.

b. Mudaf adalah duaan. Contohnya adalah :

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ<sup>167</sup>

‘Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapakku serta bagi orang-orang yang beriman pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan’

Kata nama وَالِدَيَّ ‘kedua ibu bapakku’ adalah kata nama yang digenitifkan dengan Ya’ kerana ia duaan dan didahului oleh partikel Genitif Lam. Nun duaan digugurkan kerana al-Idafat. Ia berposisi sebagai mudaf. Ya’ Mutakallim mabniyy dengan baris atas di tempat genitif kerana al-Idafat.

c. Mudaf adalah jam ‘mudhakkar salim. Contohnya adalah :

وَمَا أَنْتُمْ بِمُصْرِخِيَّ<sup>168</sup>

‘Dan kamu sekalian juga tidak dapat menyelamatkan daku’

Asalnya adalah وَمَا أَنْتُمْ بِمُصْرِخِينَ لِي. Nun dan lamnya digugurkan kerana al-Idafat kemudian Ya’ mati ini diidghamkan kepada Ya’ berbaris atas (mudaf ilayh) sehingga menjadi مُصْرِخِيَّ ‘penyelamat-penyelamatku’.

<sup>167</sup> Al-Qur’an. Surah Ibrahim. Ayat 41

<sup>168</sup> Al-Qur’an. Surah Ibrahim. Ayat 22

Ya' Mutakallim kadang-kadang digugurkan dengan mengekalkan baris bawah pada kata nama. Contohnya adalah :

ذَلِكَ يُخَوِّفُ اللَّهُ بِهِ عِبَادَهُ يَا عِبَادِ فَاتَّقُونِ<sup>169</sup>

‘Dengan (azab) yang demikian Allah menakutkan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, bertaqwalah kepada-Ku wahai hamba-hamba-Ku’

Ya' Mutakallim pada kata nama عِبَادِ ‘hamba-hamba’ digugurkan dan baris bawah pada kata nama tersebut dikekalkan. Asalnya adalah عِبَادِي ‘hamba-hambaku’.

Hukum untuk kata nama sahih ini juga berlaku untuk al-Asma' al-Khamsat ketika diidafatkan kepada Ya' Mutakallim. Tetapi hanya kata nama ذُو sahaja yang dii'rabkan mengikut baris yang diandaikan dengan kata nama yang terletak sebelum Ya' Mutakallim. Adapun kata nama أَبٌ, أَخٌ, حَمٌّ dan فَمٌ i'rabnya sama dengan i'rab kata nama sahih akhir ketika diidafatkan kepada Ya' Mutakallim. Contohnya adalah :

اِذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْقُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِي<sup>170</sup>

‘Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku’

Kata nama أَبٌ ‘ayah’ dalam ayat ini adalah mudaf yang diidafatkan kepada Ya' Mutakallim. Ia adalah salah satu dari al-Asma' al-Khamsat. Akhir mudafnya dibarisbawahkan, manakala Ya' Mutakallim dibina dengan baris mati.

Ya' Mutakallim boleh juga digugurkan dan digantikan dengan Ta' Ta'nith yang mabniyy dengan baris atas atau baris bawah atau baris hadapan, dengan syarat mudafnya adalah munada dan lafaznya adalah أُمَّ dan أَبٌ. Contohnya adalah :

<sup>169</sup> Al-Qur'an. Surah al-Zumar. Ayat 16

<sup>170</sup> Al-Qur'an. Surah Yusuf. Ayat 93

قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ<sup>171</sup>

‘Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu’

Ya’ Mutakallim pada struktur al-Idafaṭ أَبَتِ digugurkan dan digantikan dengan Ta’ Ta’nith yang mabniyy dengan baris bawah.

Contoh bentuk al-Idafaṭ kepada Ya’ Mutakallim dengan penambahan Ha’ al-Sakt sesudah Ya’ Mutakallim ketika waqf adalah :

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ فَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُوتَ كِتَابِيَهٗ

‘Adapun orang yang diberikan kitab amalnya dengan tangan kirinya, maka ia akan berkata (dengan sesalnya): "Alangkah baiknya kalau aku tidak diberikan kitab amalku’

Dalam struktur al-Idafaṭ كِتَابِيَهٗ ‘kitab amalku’ terdapat penambahan Ha’ al-Sakt sesudah Ya’ Mutakallim ketika waqf. Dalam hal ini Ya’ Mutakallim dibina dengan baris atas.

### 3.4.2 IDAFAT MAWSUF KEPADA KATA SIFAT

Idafaṭ mawsuf kepada kata sifat dalam al-Qur’an al-Karim memiliki ciri yang sama dengan Idafaṭ mawsuf kepada kata sifat dalam bahasa Arab. Contohnya adalah :

وَمَا كُنْتَ بِجَانِبِ الْعَرَبِيِّ<sup>172</sup>

‘Dan engkau (wahai Muhammad) tidak berada di sebelah barat’

<sup>171</sup> Al-Qur’an. Surah al-Saffat. Ayat 102

<sup>172</sup> Al-Qur’an. Surah al-Qasas. Ayat 44

Dalam ayat ini struktur al-Idafatnya adalah جَانِبِ الْغَرْبِيِّ ‘sebelah barat’. Sebahagian kaum Arab mengatakan bahawa ini adalah Idafat mawsuf kepada kata sifat. Asalnya adalah الْجَانِبِ الْغَرْبِيِّ. Manakala kaum Arab lain mengatakan bahawa ini adalah pengguguran mudaf ilayh dan posisinya digantikan oleh kata sifat. Asalnya adalah بِجَانِبِ الْمَكَانِ الْغَرْبِيِّ ‘sebelah tempat barat’.<sup>173</sup>

### 3.4.3 IDAFAT KATA SIFAT KEPADA MAWSUF

Idafat kata sifat kepada mawsuf dalam al-Qur’an al-Karim juga memiliki ciri yang sama dengan Idafat kata sifat kepada mawsuf dalam bahasa Arab. Contohnya adalah :

وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ<sup>174</sup>

‘Dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan seksa-Nya’

Dalam ayat di atas struktur al-Idafatnya adalah شَدِيدُ الْعِقَابِ ‘berat balasan seksa-Nya’. Kata sifat شَدِيدُ ‘berat’ diidafatkan kepada mawsufnya, iaitu الْعِقَابِ ‘seksa’.

### 3.4.4 IDAFAT ‘ADAD KEPADA MA‘DUD

Contoh bentuk Idafat ‘adad kepada ma‘dud dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ<sup>175</sup>

‘Dan isteri-isteri yang diceraiakan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid)’

<sup>173</sup> Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat, 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaheerah : Dar al-Hadith. h. 248

<sup>174</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqarat. Ayat 196

<sup>175</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqarat. Ayat 228

Dalam ayat ini struktur al-Idafatnya adalah ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ‘tiga kali suci’. ‘Adad ثَلَاثَةَ ‘tiga’ diidafatkan kepada ma’dudnya, iaitu قُرُوءٍ ‘suci’. Ia dapat diandaikan dengan partikel Genitif مِنْ. Andaiannya adalah ثَلَاثَةٌ مِنْ قُرُوءٍ ‘tiga kali dari suci’.

### 3.4.5 IDAFAT KATA NAMA MUBHAM (SAMAR)

Contoh Idafat kata nama mubham dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَعْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ<sup>176</sup>

‘Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka bukan (jalan) orang-orang yang dimurkai dan bukan pula (jalan) orang-orang sesat’

Struktur Idafat kata nama mubham dalam ayat di atas adalah غَيْرِ الْمَعْضُوبِ ‘bukan (jalan) orang-orang yang dimurkai’. Al-Zajjaj mengatakan bahawa kata nama غَيْرِ ‘bukan’ digenitifkan dengan dua sebab, iaitu :<sup>177</sup>

1. Menganggapnya sebagai badal dari kata nama penyambung الَّذِينَ ‘yang’. Andaiannya adalah صِرَاطَ غَيْرِ الْمَعْضُوبِ عَلَيْهِمْ ‘jalan bukan orang-orang yang dimurkai’.
2. Menganggapnya sebagai kata sifat dari kata nama penyambung الَّذِينَ ‘yang’ kerana diidafatkan kepada kata nama khas. Kata nama penyambung الَّذِينَ ‘yang’ disini bukanlah maksud yang dituju. Kata nama penyambung الَّذِينَ ‘yang’ dalam ayat ini adalah mudaf ilayh dari kata nama صِرَاطَ ‘jalan’. Jika kata nama penyambung الَّذِينَ ‘yang’ dalam keadaan genitif, maka kata nama mubham غَيْرِ ‘bukan’ mestilah genitif juga dengan baris bawah.

<sup>176</sup> Al-Qur’an. Surah al-Fatihah. Ayat 7

<sup>177</sup> Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur’an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 281

### 3.4.6 IDAFAT ISM AL-TAFDIL

Contoh Idafat Ism Tafdil dalam al-Qur'an al-Karim adalah :

فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ<sup>178</sup>

‘Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta’

Kata nama أَحْسَنُ ‘sebaik-baik’ dalam ayat ini dinominatifkan dengan dua bentuk, iaitu .<sup>179</sup>

1. Dinominatifkan sebagai badal daripada kata nama اللَّهُ. Ia tidak boleh berfungsi sebagai kata sifat kerana Idafat أَفْعَلْ kepada kata nama sesudahnya adalah untuk maksud pemisahan. Andaiannya adalah أَحْسَنُ مِنَ الْخَالِقِينَ ‘Sebaik-baik dari pencipta-pencipta’
2. Dinominatifkan sebagai khabar dari muftada’ yang digugurkan. Andaiannya adalah هُوَ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ‘Dia adalah sebaik-baik pencipta’.

### 3.4.7 IDAFAT آل

Dalam al-Qur'an al-Karim banyak dijumpai bentuk-bentuk Idafat آل. Contohnya adalah :

إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ<sup>180</sup>

‘Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, Nabi Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga ‘Imran melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing)’

<sup>178</sup> Al-Qur'an. Surah al-Mu'minun. Ayat 14

<sup>179</sup> Muhammad ‘Abd al-Khaliq ‘Udaimat. 2004. *Dirasat Li Uslub al-Qur'an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 248

<sup>180</sup> Al-Qur'an. Surah Ali ‘Imran. Ayat 33

Struktur Idafat آل dalam ayat ini adalah آلِ إِبْرَاهِيمَ ‘keluarga Ibrahim’ dan آلِ عِمْرَانَ ‘keluarga ‘Imran’. Kata nama آل adalah mudaf, manakala kata nama khas إِبْرَاهِيمَ dan عِمْرَانَ adalah mudaf ilayh yang genitif dengan baris atas sebagai ganti daripada baris bawah kerana ia tidak boleh menerima tanwin (ممنوع من الصرف).

### 3.4.8 IDAFAT MU’AKKAD KEPADA MU’AKKID

Contoh Idafat mu’akkad kepada mu’akkid dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

فَلَوْ لَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ . وَأَنْتُمْ حِينِيذٍ تَنْظُرُونَ<sup>181</sup>

‘Maka alangkah eloknya kalau semasa (roh seseorang dari kamu yang hampir mati) sampai ke kerongkongnya, sedang kamu pada masa itu menyaksikan keadaannya’

Lafaz mu’akkad dalam ayat di atas adalah حِينٍ yang merupakan kata nama masa mubham (samar). Mu’akkidnya adalah lafaz إِذٍ yang diidafatkan kepada kepada ayat kerjaan kala lampau yang digugurkan dan digantikan dengan tanwin menjadi إِذٍ. Asalnya adalah وَأَنْتُمْ حِينٍ إِذٍ بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ تَنْظُرُونَ ‘Dan kamu ketika (roh seseorang dari kamu yang hampir mati) sampai ke kerongkongnya, menyaksikan keadaannya’. Ayat kala lampau yang digugurkan adalah بَلَغَتِ الْحُلُقُومَ ‘sampai ke kerongkongnya’ dan ia adalah mudaf ilayh.

### 3.4.9 IDAFAT SESUATU KEPADA NAMANYA

Contoh Idafat sesuatu kepada kata namanya dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

أَذَلِكَ خَيْرٌ نُزُلًا أَمْ شَجَرَةُ الزَّقُّومِ<sup>182</sup>

<sup>181</sup> Al-Qur’an. Surah al-Saffat. Ayat 83-84

<sup>182</sup> Al-Qur’an. Surah al-Saffat. Ayat 62

‘Manakah yang lebih baik, limpah kurniaan yang terma’lum itu atau pokok zaqqum’

Dalam ayat ini struktur Idafaṭ sesuatu kepada namanya adalah شَجَرَةُ الزَّقُّومِ ‘pokok Zaqqum’. Lafaz شَجَرَةُ ‘pokok’ adalah sesuatu, manakala lafaz الزَّقُّومِ ‘Zaqqum’ adalah namanya.

### 3.4.10 IDAFAT KATA NAMA MASA

Kata nama masa selalu diidafaṭkan kepada ayat. Masa yang ditunjukkan oleh masa itu mestilah ada kesesuaian antara mudaf dan mudaf ilayh. Idafaṭ kata nama masa kepada ayat kerjaan lebih banyak daripada ayat namaan. Contohnya adalah :

- <sup>183</sup> وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ كَأَن لَّمْ يَلْبَثُوا إِلَّا سَاعَةً مِنَ النَّهَارِ

‘Dan (ingatlah) masa Tuhan himpulkan mereka (pada hari kiamat kelak) dengan keadaan mereka merasai seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari’

- <sup>184</sup> يَوْمَ هُمْ بَارِزُونَ

‘Iaitu hari mereka keluar (dari kubur masing-masing) dengan jelas nyata’

Dalam kedua-dua ayat ini kata nama masa يَوْمَ ‘hari’ diidafaṭkan kepada ayat kerjaan يَحْشُرُهُمْ ‘Tuhan menghimpulkan mereka’ dan ayat namaan هُمْ بَارِزُونَ ‘mereka keluar (dari kubur masing-masing) dengan jelas nyata’.

<sup>183</sup> Al-Qur’an. Surah Yunus. Ayat 45

<sup>184</sup> Al-Qur’an. Surah Ghafir. Ayat 16



### 3.4.11 AL-IDAFAT YANG LEMAH HUBUNGANNYA

Contoh al-Idafat yang lemah hubungannya atau al-Idafat Li Adna al-Mulabasat dalam al-Qur'an al-Karim adalah :

لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحَاهَا<sup>185</sup>

'Seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia kecuali sekadar petang atau paginya sahaja'

Struktur al-Idafat dalam ayat ini adalah ضُحَاهَا 'paginya' Kata nama صُحَى 'pagi' diidafatkan kepada ganti nama هَا 'nya' yang kembali kepada kata nama عَشِيَّةً 'petang'. Kedua-dua kata nama صُحَى 'pagi' dan عَشِيَّةً 'petang' adalah dua sisi waktu siang, iaitu pagi dan petang. Kata nama ini boleh saling mengidafatkan satu sama lain kerana ada perkaitan.

### 3.4.12 AL-IDAFAT YANG KUAT HUBUNGANNYA

Al-Idafat yang kuat hubungannya atau al-Idafat al-Qawiyat al-Mulabasat dalam al-Qur'an al-Karim sama bentuknya dengan al-Idafat al-Ma'nawiyat kerana kuatnya hubungan antara mudaf dan mudaf ilayh dan antara mudaf dan mudaf ilayh ini ada partikel Genitif yang diandaikan sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya.

### 3.4.13 IDAFAT KATA NAMA MULGHA KEPADA KATA NAMA MU'TABAR

Antara bentuk Idafat kata nama mulgha kepada kata nama mu'tabar yang ada dalam al-Qur'an al-Karim adalah :

---

<sup>185</sup> Al-Qur'an, Surah al-Nazi'at, Ayat 46

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعِدَ الْمُتَّقُونَ<sup>186</sup>

‘Sifat syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa’

Kata nama mulgha dalam contoh ini adalah مَثَلٌ ‘sifat’ dan kata nama mu‘tabarnya adalah الْجَنَّةُ ‘syurga’. Jika kata nama mulgha ini digugurkan, tidak akan merosak makna asalnya. Asalnya adalah وَعِدَ الْمُتَّقُونَ الْجَنَّةُ ‘Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa’.

#### 3.4.14 IDAFAT KUNYAT

Antara bentuk Idafat Kuyat yang ada dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ<sup>187</sup>

‘Dan (ingatlah) pada sisi-Nya ada Ibu segala suratan’

Dalam ayat di atas struktur Idafat Kuyatnya adalah أُمُّ الْكِتَابِ ‘ibu segala suratan’. Mudaf أُمُّ ‘ibu’ diidafatkan kepada mudaf ilayhnya, iaitu kata nama الْكِتَابِ ‘kitab’. Struktur al-Idafat أُمُّ الْكِتَابِ ‘ibu segala suratan’ ini gelaran bagi surah al-Fatihah.

Berdasarkan huraian di atas, bentuk-bentuk al-Idafat bahasa Arab yang tidak ada dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

- 1) Mudaf yang diidafatkan kepada Ya’ Mutakallim yang merupakan kata nama tunggal yang diakhiri dengan huruf ‘illat yang menyerupai huruf sahah.
- 2) Idafat kata nama mu‘tabar kepada kata nama mulgha.
- 3) Idafat kata gabung pemaduan.

<sup>186</sup> Al-Qur’an. Surah Muhammad. Ayat 15

<sup>187</sup> Al-Qur’an. Surah al-Ra’d. Ayat 39

### 3.5 PENGGUGURAN AL-IDAFAT̄ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Pengguguran al-Idafat̄, sama ada mudaf dan mudaf ilayh dalam al-Qur'an al-Karim memiliki ciri yang sama dengan apa yang ada dalam bahasa Arab. Bentuk-bentuknya akan dijelaskan di bawah ini.

#### 3.5.1 PENGGUGURAN MUDAF DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Pengguguran mudaf dalam al-Qur'an al-Karim ada dalam tiga bentuk, iaitu pengguguran satu mudaf, dua mudaf dan tiga mudaf.<sup>188</sup>

##### 3.5.1.1 PENGGUGURAN SATU MUDAF DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Bentuk pengguguran satu mudaf dalam al-Qur'an al-Karim boleh dilakukan dengan syarat-syarat yang sama dalam bahasa Arab, iaitu :

1. Jika ada qarinat̄ atau petanda yang menunjukkan bahawa lafaz mudafnya sudah jelas atau ada lafaz lain yang menjelaskan maknanya. Penggugurannya tidak boleh menimbulkan kesamaran dan perubahan makna. Contohnya adalah :

وَاسْأَلِ الْقَرْيَةَ<sup>189</sup>

‘Dan bertanyalah kepada (penduduk) negeri (Mesir)’

Dalam ayat ini ada mudaf yang digugurkan sebelum kata nama الْقَرْيَةَ ‘negeri’, iaitu kata nama yang diandaikan dengan أَهْلُ ‘penduduk’. Jadi andaiannya adalah وَاسْأَلِ

<sup>188</sup> ‘Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wafiyy*. Juzuk.3. Mesir : Dar al-Ma‘arif, h. 163

<sup>189</sup> Al-Qur'an. Surah Yusuf. Ayat 82

أَهْلَ الْقَرْيَةِ ‘Dan bertanyalah kepada penduduk negeri’. Diandaikan dengan أَهْلَ ‘penduduk’ kerana tidak mungkin kita bertanya kepada الْقَرْيَةِ ‘negeri’.

2. Jika mudaf ilayh sah terletak di tempat mudaf yang digugurkan. Contohnya adalah :

وَأَشْرَبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ<sup>190</sup>

‘Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu telah mesra dan sehati di dalam hati mereka dengan sebab kekufuran mereka’

Asalnya adalah حُبَّ الْعِجْلِ ‘menggemari anak lembu’. Mudaf حُبَّ ‘menggemari’ yang berfungsi sebagai objek digugurkan dan tempatnya digantikan oleh mudaf ilayh الْعِجْلِ ‘anak lembu’ sehingga mudaf ilayh ini menjadi objek yang diakusatifkan.

Dalam contoh ayat-ayat di atas, mudaf ilayh yang menduduki tempat mudaf mestilah mengikut i‘rab dan baris mudaf yang digugurkan. Di samping itu, boleh juga menggugurkan mudaf dan mengekalkan mudaf ilayh dalam keadaan genitif. Contohnya adalah ma‘tuf yang digugurkan tidak menyerupainya tapi berlawan dengannya dalam ayat berikut :

تُرِيدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ<sup>191</sup>

‘Kamu menghendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedang Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat’

Dalam ayat ini, lafaz الْآخِرَةَ ‘akhirat’ dibaca dengan genitif. Ini adalah mengikut sebahagian qira’at. Andaiannya adalah تُرِيدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ دَائِمَ الْآخِرَةِ أَوْ خَالِدًا الْآخِرَةَ ‘Kamu menghendaki harta benda dunia, sedang Allah menghendaki kekekalan

<sup>190</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqarat. Ayat 93

<sup>191</sup> Al-Qur’an. Surah al-Anfal. Ayat 67

akhirat’. Mudaf ilayh yang digugurkan adalah خَالِدٌ atau دَائِمٌ ‘kekal’ yang berlawanan dengan lafaz yang disebutkan sebelumnya, iaitu عَرَضٌ ‘harta benda (yang tidak kekal)’.<sup>192</sup>

### 3.5.1.2 PENGGUGURAN DUA MUDAF DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM

Pengguguran dua mudaf dapat terjadi dalam sesebuah ayat al-Qur’an al-Karim.

Contohnya adalah :

إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِنَهَرٍ<sup>193</sup>

‘Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebatang sungai’

Andaiannya adalah إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِشُرْبِ مَاءٍ نَهَرٍ ‘Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan meminum air sebatang sungai’. Lafaz yang digugurkan adalah شُرْبِ ‘meminum’ dan مَاءٍ ‘air’. Kedua-duanya adalah mudaf kemudian mudaf ilayh terakhir, iaitu lafaz نَهَرٍ ‘sungai’ menggantikan tempat yang pertama (شُرْبِ) ‘meminum’.

### 3.5.1.3 PENGGUGURAN TIGA MUDAF DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM

Dalam al-Qur’an al-Karim juga terjadi pengguguran tiga mudaf. Contohnya ialah ayat ketika Jibril mendekati Rasulullah s.a.w, iaitu :

ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّى ؛ فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَى<sup>194</sup>

‘Kemudian ia mendekatkan dirinya (kepada nabi Muhammad), lalu ia berjuntai sedikit demi sedikit. Sehingga menjadilah jarak (diantaranya dengan Nabi Muhammad) sekadar dua hujung busaran panah, atau lebih dekat lagi’

<sup>192</sup> ‘Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wafiyy. Juzuk.3*. Mesir : Dar al-Ma‘arif, h. 161.

<sup>193</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqara. Ayat 249

<sup>194</sup> Al-Qur’an. Surah al-Najm. Ayat 8-9

Andaiannya adalah فَكَانَ الرَّسُولُ قَدَرَ مَسَافَةَ قُرْبِ قَابِ قَوْسَيْنِ. Lafaz الرَّسُولُ ‘rasul’ yang digugurkan adalah isim kana. Tempatnya digantikan oleh ganti nama yang menjadi isim kana. Tiga mudaf yang digugurkan adalah قَدَرَ ‘sekadar’, مَسَافَةَ ‘jarak’ dan قُرْبِ ‘dekat’. Mudaf ilayh terakhir, iaitu lafaz قَابِ ‘hampir’ menggantikan tempat mudaf ilayh pertama pada lafaz قَدَرَ ‘sekadar’ dan lafaz قَابِ ‘hampir’. Ia adalah khabar kana.

### 3.5.2 PENGGUGURAN MUDAF ILAYH DALAM AL-QUR’AN AL-KARIM

Bentuk-bentuk pengguguran mudaf ilayh dalam al-Qur’an al-Karim adalah :

1. Mudaf ilayh digugurkan dan maknanya tetap dimaksudkan. Dalam hal ini, kedudukan mudafnya mabniyy dengan baris hadapan dan tidak boleh mu‘rab (fleksi) dan bertanwin. Contohnya adalah :

لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ<sup>195</sup>

‘Kepada pentadbiran Allah jualah terpulung segala urusan, sebelum berlakunya dan sesudah berlakunya (kemenangan)’

Dalam ayat ini, mudaf ilayhnya digugurkan. Manakala mudaf kata nama samar (مِنْ قَبْلُ dan بَعْدُ) mabniyy dengan baris hadapan di tempat genitif. Andaiannya adalah مِنْ قَبْلُ ‘sebelum kemenangan dan sesudah kemenangan’.

2. Mudaf ilayh digugurkan, makna dan lafaznya tidak dimaksudkan. Dalam hal ini, mudaf kembali kepada keadaan i‘rabnya sebelum diidafatkan. Tanwinnya dikekalkan seolah-olah ayat tersebut tidak ada struktur al-Idafat. Contohnya adalah :

• وَكُلًّا وَعَدَّ اللَّهُ الْحُسْنَى<sup>196</sup>

<sup>195</sup> Al-Qur’an. Surah al-Rum. Ayat 4444

<sup>196</sup> Al-Qur’an. Surah al-Nisa’. Ayat 95

‘Dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah janjikan dengan balasan yang baik’

Dalam ayat ini mudaf ilayhnya digugurkan. Andaiannya adalah *كُلٌّ فَرِيقٍ* ‘tiap-tiap golongan’. Jadi kata nama yang digugurkan dalam ayat ini adalah *فَرِيقٍ* ‘golongan’.

- <sup>197</sup> *أَفْتَوْمُنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ*

‘Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain’

Dalam ayat ini mudaf yang digugurkan terletak setelah kata nama *بَعْضٍ* ‘sebahagian’ yang kedua. Mudaf yang digugurkan adalah kata nama *الْكِتَابِ* ‘kitab’. Asalnya adalah *وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ* ‘Dan kamu mengingkari sebahagian kitab’.

3. Mudaf ilayh digugurkan dan ketetapan maknanya tetap dimaksudkan. Dalam hal ini, mudaf tetap dalam keadaan sebelum digugurkan dan i‘rabnya tidak berubah.

Contohnya adalah :

- <sup>198</sup> *فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ*

‘Kalau ia tidak dapat (mengadakan dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kembali (ke tempat masing-masing)’

Dalam ayat ini mudaf ilayh yang digugurkan adalah lafaz *أَيَّامٍ* ‘hari’. Asalnya adalah *سَبْعَةِ أَيَّامٍ* ‘tujuh hari’. Dalam bentuk ini mudaf ilayhnya digugurkan dan mudaf tetap dalam keadaan genitif tapi ia ditanwinkan. Ia di‘atafkan daripada mudaf sebelumnya, iaitu lafaz *ثَلَاثَةِ* ‘tiga’.

<sup>197</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqaraḥ. Ayat 85

<sup>198</sup> Al-Qur’an. Surah al-Baqaraḥ. Ayat 196

Berdasarkan huraian mengenai pengguguran al-Idafaṭ dalam al-Qur'an al-Karim di atas, kita dapat melihat bahawa bentuk-bentuk pengguguran al-Idafaṭ dalam al-Qur'an al-Karim lebih variatif, iaitu pengguguran satu mudaf, dua mudaf dan tiga mudaf. Hal ini timbul untuk mentafsirkan ayat-ayat yang kurang difahami umat Islam.

### 3.6 SIFAT MUDAF DAN MUDAF ILAYH DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Bentuk penggunaan sifat mudaf dan mudaf ilayh dalam al-Qur'an al-Karim dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut :

- سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى<sup>199</sup>

‘Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi’

Perkataan **الْأَعْلَى** ‘Yang Maha Tinggi’ dalam ayat di atas mengikut pandangan nahuwan Arab adalah kata sifat untuk perkataan **اسْمَ** ‘nama’ atau **رَبِّ** ‘Tuhan’ kerana tujuannya adalah untuk mensucikan nama atau Tuhan (Allah).

- يَا تُورُوكَ بِكُلِّ سَاحِرٍ عَلِيمٍ<sup>200</sup>

‘Yang kelak akan membawa kepadamu segala ahli sihir yang mahir’

Kata sifat **عَلِيمٍ** ‘yang mahir’ dalam ayat di atas adalah untuk mudaf ilayh **سَاحِرٍ** ‘ahli sihir’ kerana ia adalah maksud asalnya. Mudaf **كُلِّ** ‘setiap’ menunjukkan makna yang umum. Sekiranya mudaf **كُلِّ** ‘setiap’ dijaga dalam ayat ini, ia adalah lemah.

<sup>199</sup> Al-Qur'an. Surah al-A'la. Ayat 1

<sup>200</sup> Al-Qur'an. Surah al-A'raf. Ayat 112



### 3.7 KESIMPULAN

Struktur al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim walaupun mempunyai perbezaan dengan struktur al-Idafat dalam bahasa Arab, tetapi ia dapat dijadikan rujukan dalam pengkaedahan tatabahasa Arab bahkan dapat memperkaya kaedah tatabahasa Arab yang sedia ada. Sebagaimana kita maklum bahawa sejak turunnya al-Qur'an al-Karim, bahasa Arab yang mempunyai pelbagai dialek dapat disatukan dengan bahasa al-Qur'an al-Karim sehingga bahasa Arab dapat dipelajari oleh berbilang bangsa dan kaum untuk memahami maksud yang terkandung dalam al-Qur'an al-Karim.